

## **KERUNTUHAN AKHLAK DALAM ERA PERANG PSIKOLOGI DI MEDIA SOSIAL**

Sakinah binti Muhamad Shukri<sup>1</sup>  
Siti Norhanisah binti Subali<sup>2</sup>  
Nur Fatehah binti Mohd Fauzi<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [sakinahshukri538@raudah.usim.edu.my](mailto:sakinahshukri538@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: [sitiorhanisah@raudah.usim.edu.my](mailto:sitiorhanisah@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [fatehahfauzi@raudah.usim.edu.my](mailto:fatehahfauzi@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my))

### **ABSTRAK**

Media sosial kini tidak lagi menjadi platform untuk masyarakat berkongsi berkaitan aktiviti kehidupan seharian sahaja. Media sosial seperti Twitter (X), Facebook, malah Instagram dan juga TikTok yang berkonsepkan perkongsian gambar dan video kini juga menjadi satu platform perdebatan maya. Ironinya, sebuah perdebatan seharusnya meningkatkan tahap intelektual dan moral masyarakat tetapi apa yang terjadi adalah sebaliknya. Pelbagai isu yang kadang sengaja dicipta telah berjaya melaga-lagakan pelbagai pihak. Realiti yang kita hadapi kini adalah keruntuhan akhlak individu yang boleh kita dapati dalam setiap respon yang mereka berikan. Perdebatan hujah yang sihat akhirnya menjadi satu perang psikologi yang seakan menyerang kehidupan peribadi pihak lawan dan langsung menjauh daripada tujuan asal sebuah perdebatan iaitu untuk menambah pengetahuan yang baru. Objektif penyelidikan ini ialah untuk mengkaji hubungan antara perang psikologi di media sosial dan keruntuhan moral, menilai kesan perang psikologi di media sosial terhadap tingkah laku moral individu dan masyarakat dan membangunkan strategi untuk menentang kesan negatif perang psikologi di media sosial terhadap keruntuhan akhlak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumentasi seperti artikel dan jurnal yang berkaitan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa peningkatan kehadiran konten yang mengandungi unsur fitnah dan hasutan di media sosial yang telah memberikan sumbangan signifikan kepada keruntuhan akhlak dalam masyarakat maya. Kesimpulannya, perang psikologi di media sosial telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dengan penyebaran konten negatif.

**Kata Kunci:** Keruntuhan Akhlak, Media Sosial, Perang Psikologi

### **Pengenalan**

Dalam era globalisasi yang serba canggih, media sosial menjadi salah satu platform utama yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat, berinteraksi, dan membentuk pandangan masyarakat. Walaupun media sosial membawa manfaat yang tidak dapat disangkal dalam menyebarkan informasi dengan pantas, namun platform-platform ini juga membawa

bersama cabaran besar, terutamanya berkaitan dengan keruntuhan akhlak. Fenomena ini semakin ketara dalam konteks perang psikologi di media sosial, di mana pertempuran gagasan, nilai, dan keyakinan dilaksanakan secara intensif.

Tajuk "Keruntuhan Akhlak dalam Era Perang Psikologi di Media Sosial" menjadi subjek yang semakin relevan dan kritikal untuk dikaji. Perubahan landskap media sosial telah mencipta medan yang rumit di mana norma-norma moral dan etika masyarakat tercabar secara tidak langsung. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan perang psikologi dalam media sosial terhadap struktur nilai moral masyarakat, menyoroti isu-isu utama yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak, serta merungkai strategi pemulihan dan perlindungan akhlak di dalam konteks ini.

Dengan memahami dinamik perang psikologi di media sosial dan kesan terhadap akhlak, kajian ini berharap dapat memberikan pandangan mendalam tentang cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam mengekalkan nilai-nilai moral mereka dalam era digital ini. Dengan itu, diharapkan langkah-langkah dan usaha-usaha strategik dapat dicadangkan untuk memperkukuhkan struktur akhlak masyarakat, serta meminimumkan impak negatif yang mungkin timbul dalam perjalanan teknologi dan media sosial yang terus berkembang pesat.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 1- Untuk mengkaji hubungan antara peperangan psikologi di media sosial dan keruntuhan moral.
- 2- Untuk menilai kesan perang psikologi di media sosial terhadap tingkah laku moral individu dan masyarakat.
- 3- Untuk membangunkan strategi untuk menentang kesan negatif peperangan psikologi di media sosial terhadap keruntuhan akhlak.

### **Tinjauan Literatur**

Terdapat tiga subtopik yang akan dibincangkan di dalam kajian literatur ini:

#### **Keruntuhan Akhlak: Jahil Basith vs Jahil Murakkab**

Jika diteliti satu persatu masalah keruntuhan akhlak yang berlaku, kesemuanya boleh dikatakan berakar daripada satu masalah yang sama iaitu kejahilan. Ulama Bahasa dalam al-Mu'jam al-Wasith sepakat untuk memberi makna jahil itu sebagai apabila seseorang beriktikad atau meyakini sesebuah kekhilafan sebagai sesuatu yang benar. Para ulama telah membahagikan kejahilan kepada dua iaitu jahil basith dan jahil murakkab. Sangat mudah untuk membezakan kedua-duanya kerana jahil basith itu kejahilan seseorang itu tidak memberi kesan kepada orang lain manakala jahil murakkab memberi ibarat bahawa kejahilan seseorang itu memberi mudarat kepada orang lain. Hal ini kerana, orang yang berada dalam kategori jahil basith kebiasaannya tahu bahawa dia jahil akan sesuatu perkara namun orang yang berada dalam kategori jahil

murakkab pula dia tidak tahu dia jahil dan dia tidak mengambil endah akan kejahilannya. Dirinya terus-terusan menyebarkan perkara yang tidak benar lalu membuatkan orang lain yang jahil terpalit akan kejahilannya. Kejahilan seperti inilah yang menyumbang kepada krisis keruntuhan akhlak.

Mendepani ragam dunia yang semakin maju, satu tinjauan awal oleh sekumpulan penyelidik daripada UiTM Cawangan Kelantan dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, Kelantan (2021) telah dibuat bagi meneliti impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Penulisan bertajuk *Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal* menggunakan metod perustakaan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dan kemudiannya dianalisis menggunakan metod induktif bagi mendapatkan kesimpulan. Hasil kajian mendapati penggunaan media sosial tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar dari aspek keganasan dan pornografik, fesyen, hubungan silaturrahim serta perkataan dan perbuatan. Ini jelas membuktikan media sosial juga memberi pengaruh buruk kepada para pelajar.

Sebagai tambahan, sebuah kajian oleh Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd Isa Hamzah (2019) mengukuhkan lagi punca-punca remaja terjebak di dalam masalah sosial. Kajian ini ditulis bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penyimpangan akhlak dalam kalangan remaja berikutan peningkatan masalah moral yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Dalam kajian ini, 70 orang gadis remaja yang berusia antara 13 hingga 19 tahun dan ke atas di sebuah pusat perlindungan negeri Selangor telah terpilih sebagai sampel soal selidik bagi melengkapi kajian ini. Hasil kajian mendapati pengaruh faktor akhirnya merujuk kepada diri sendiri dan media massa yang mempengaruhi masalah sosial anak remaja.

Jenayah masa kini cukup membuktikan bahawa masyarakat kita sedang berada di fasa keruntuhan akhlak yang serius. Masyarakat kita telah lama terjerumus ke dalam kancah jenayah seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina yang akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah (Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad, 2018). Masalah begini wajib dibendung dengan segera dan kerana itulah tujuan penulisan bagi kertas bertajuk *Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam* adalah bagi mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak melalui pendekatan perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Metodologi kajian bagi kertas ini adalah melalui kajian pustaka yang mana penulis telah mengalisis dokumen-dokumen penting seperti jurnal, artikel. Dan penulisan berilmiah berkaitan tajuk penulisan. Kajian mendapati terdapat beberapa ayat al-Quran dan petikan hadis yang boleh dijadikan wadah untuk membasmi masalah keruntuhan akhlak.

Seterusnya, Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhrol Adabi Abdul Kadir (2020) menulis tentang *Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*. Objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor pembelajaran sosial yang mempengaruhi pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Penulis menggunakan metodologi kajian perustakaan dengan mengalisis perbincangan dalam kandungan teks. Kajian penulis akhirnya mendapati faktor pembelajaran sosial yang dikenalpasti memberi kesan yang penting kepada pembentukan akhlak pelajar adalah terdiri daripada guru, ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran sekolah, persekitaran masyarakat dan media massa.

Melalui penulisan lain bertajuk Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi oleh Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, dan Nur Fatimah Zainuddin (2020) menganalisis pula tentang cabaran persekitaran sosial dan perkembangan teknologi dalam membentuk akhlak remaja masa kini. Penulisan ini menggunakan kaedah metodologi kajian pengumpulan data dan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa cabaran utama dalam membentuk akhlak remaja ialah aspek tauladan, pemerhatian dan peniruan, kelaziman dan kebiasaan, ganjaran dan denda, serta nasihat.

### **Perubahan Psikologi di Era Media Sosial**

Keupayaan seseorang untuk memahami pencapaian mereka dalam kehidupan masa kini adalah sebahagian daripada kesejahteraan psikologi. Bagi generasi milenium yang dibesarkan dalam dunia digital, gaya kehidupan mereka pastinya telah berubah. Daripada pernyataan ini, wujudnya kajian lepas yang bertajuk Gambaran Kesejahteraan Psikologi Generasi Milenial Pengguna Media Digital di Jakarta Selatan yang bertujuan untuk menggambarkan kesejahteraan mental generasi milenium yang menggunakan media digital. Subjek dalam kajian ini ialah generasi milenium di daerah Jakarta Selatan yang berumur 15-19 tahun. Analisis data penyelidikan ini menggunakan ujian korelasi untuk mengetahui bagaimana kedua-dua pemboleh ubah berinteraksi antara satu sama lain. Hasil kajian ini menunjukkan pengguna media digital pada tahap normal atau ringan cenderung mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih baik berbanding pengguna tegar atau ketagih.

Tidak dapat dinafikan, konten video yang dihasilkan di media sosial memberi pengaruh terhadap kesejahteraan psikologi penggunanya. Terdapat artikel yang bertajuk, Pengaruh Konten Influencer Di Media Sosial terhadap Kesejahteraan Psikologis Remaja yang mengkaji tentang psikologi di media sosial. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana konten mempengaruhi di media sosial mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja. 111 pelajar psikologi daripada Universiti Gunadarma dengan lingkungan umur 17-21 tahun, yang berada di lewat remaja. Kaedah yang digunakan ialah kaedah korelasi yang akan dianalisis secara korelasi analisis pekali. Dapatan penyelidikan menunjukkan nilai korelasi yang diperoleh adalah kuat dan positif. Ini bermaksud terdapat hubungan positif di antara konten mempengaruhi di media sosial dengan kesejahteraan psikologi remaja akhir. Selanjutnya, hasil kajian menunjukkan bahawa jika remaja kerap menonton konten mempengaruhi, ia akan membentuk kesejahteraan psikologi mereka. Pembentukan ini adalah positif, jadi jika remaja kerap menonton konten mempengaruhi, kesejahteraan psikologi mereka akan meningkat.

Selain itu, ada kajian lepas yang berkait dengan psikologi sosial di media sosial dalam artikel bertajuk Komunikasi Dakwah Melalui Media Sosial. Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki aktiviti dakwah melalui media sosial yang kini semakin popular dan menarik perhatian ramai. Kajian ini ingin memahami bagaimana aktiviti komunikasi dakwah melalui media sosial berlaku, khususnya dengan munculnya para dai-dai popular seperti Ustadz Abdul Somad, Adi Hidayat, dan Evie Effendi. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif-deskriptif, yang cuba menggambarkan cara aktiviti komunikasi dakwah melalui media sosial berlaku. Hasil kajian memberikan gambaran tentang aktiviti komunikasi dakwah melalui media sosial, yang melibatkan pola interaksi sosial, pola persuasif, dan faktor daya

tarik (*ethos*) dalam aktiviti tersebut. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti dakwah melalui media sosial menjadi lebih efektif dan menarik apabila memperhatikan dengan baik pola-pola ini. Ustadz Abdul Somad, Adi Hidayat, dan Evie Effendi adalah contoh yang membuktikan keefektifan dan daya tarik dalam aktiviti komunikasi dakwah mereka melalui media sosial, dengan memperhatikan pola interaksi sosial, pola persuasif, dan daya tarik yang mereka bawa.

Seterusnya, terdapat satu kajian bertajuk *Perilaku Cyberbullying Remaja di Media Sosial* yang berkaitan dengan gangguan psikologi kognitif yang berlaku di media sosial, iaitu *cyberbullying*. Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami dan menganalisis fenomena *cyberbullying*, yang merupakan tindakan negatif melibatkan pengiriman pesan teks, gambar, dan video di media sosial dengan niat menyindir, menghina, melecehkan, atau mendiskriminasi individu. Kajian ini fokus pada remaja sebagai pelaku utama *cyberbullying* di Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data melalui pengamatan, studi dokumen, dan informasi audio visual. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja melakukan *cyberbullying* dengan motif seperti ketidaksukaan terhadap individu, penggunaan kalimat negatif, tujuan untuk menghibur diri atau orang lain, perasaan dengki, dan pandangan diri yang merasa lebih baik dibandingkan orang lain sehingga menganggap *cyberbullying* sebagai tindakan yang wajar. Kajian ini dapat memberikan manfaat dan sumbangan untuk pengembangan ilmu psikologi dan kaunseling, terutamanya dalam aspek perkembangan kognitif remaja serta langkah-langkah pencegahan dan rawatan yang perlu diambil.

Penggunaan media sosial mempunyai kesan positif dan negatif yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi penggunaannya. Salah satu cara untuk mengukur keadaan mental seseorang ialah menilai kesejahteraan psikologi mereka. Tujuan kajian ini yang ditulis oleh Syahnur Rahman, Nawal, Hasfi Mutiara Insani, Erhica Inriani Lumban Tobing adalah untuk mendapatkan maklumat pengaruh media sosial terhadap kesihatan mental orang dewasa. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan orang dewasa sebagai subjek utama kajian dan hasil tinjauan literatur kajian ini didapati daripada beberapa jurnal yang diambil daripada Sage, Zlibrary, Sciencedirect, Cambridge, Springer, dan lain-lain. Hasil menunjukkan bahawa jumlah masa yang dihabiskan menggunakan media sosial dikaitkan dengan kesejahteraan ahli psikoterapi individu. Selain itu, kebimbangan, depresi, dan perbandingan sosial mempunyai interaksi antara penggunaan media sosial dan ukuran kesejahteraan mental seseorang.

## **Pengaruh Media Sosial**

Pengaruh Media Sosial Terhadap Perilaku Remaja yang ditulis oleh Wilga Secsio Ratsja Putri, Nunung Nurwati dan Meilanny Budiarti Santoso (2016), penulis menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif kerana ingin menjelajahi fakta, gejala, dan peristiwa pengaruh media sosial terhadap perilaku remaja di lapangan sebagaimana yang wujud dalam konteks ruang dan waktu, serta situasi persekitaran remaja secara semulajadi. Hasil penelitian adalah untuk mengetahui kesan media sosial, menjelaskan pengaruh media sosial terhadap remaja sepanjang perkembangannya, dan untuk mengetahui pengaruh media sosial terhadap perilaku remaja pada masa kini.

Kajian yang ditulis oleh Fahmi Anwar (2017), dalam kajian beliau yang berjudul: Perubahan dan Permasalahan Media Sosial, menjelaskan bahawa kebanyakan maklumat hendaklah dipilih dengan bijaksana tanpa melanggar kebiasaan dan nilai yang berlaku dalam kehidupan sosial. Kebebasan berekspresi harus tetap berpegang pada etika komunikasi dan pengendalian diri yang baik.

Perilaku Menyimpang: Media Sosial Sebagai Ruang Baru Dalam Tindak Pelecehan Seksual Remaja oleh Feryna Nur Rosyidah dan M. Fadhil Nurdin (2018), menekankan dengan masuknya media sosial dalam kehidupan remaja dapat memberikan pengaruh terhadap perubahan pola perilaku mahupun pola hubungan yang dilakukan ketika berinteraksi dalam ruang sosial baru tersebut yang menyebabkan pelecehan (ancaman) seksual yang terkait dengan penggunaan media sosial oleh remaja.

Manakala, Anastasiaa Siwi Fatma Utami dan Nur Baiti (2018), telah menjalankan kajian dengan meneliti menggunakan 2 variabel iaitu variabel bebas (x) adalah pengaruh media sosial dan variabel terikat (y) perilaku *cyberbullying*. Untuk menentukan berapa banyak pengaruh dari dua variabel, penulis menggunakan analisis regresi linear sederhana. Hasil penelitian menunjukkan bahwa, nilai koefisien pada penelitian ini adalah  $Y = 18,6 + 0,48 X$ , koefisien determinasi (RSquare) sebesar 0,240 atau 24%. Angka tersebut menunjukkan bahwa pengaruh media sosial terhadap perilaku *cyberbullying* cukup kuat, sedangkan sisanya 76% dipengaruhi oleh variabel lain diluar penelitian ini.

Dapatan kajian oleh Rumli N dan Zakiyah Jamaluddin (2019), penulis menggunakan kaedah kajian kes. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden, Bahagian B mengenai kekerapan penggunaan aplikasi dalam media sosial dan Bahagian C mengenai kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku devian remaja. Hasil daripada penyelidikannya, penggunaan media sosial mendorong kepada tingkah laku devian (relatif) tanpa mengira jantina. Implikasi kajian ini menunjukkan penggunaan media sosial memberi impak yang negatif kepada pembentukan jati diri seseorang remaja jika tidak dibendung secara terancang.

## Definisi Terma

### 1. Keruntuhan Akhlak

Akhlak menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bererti budi pekerti, kelakuan, tabiat. Menurut al-Mu'jam al-Wasith pula, akhlak bermaksud perbincangan tentang pertimbangan nilai terhadap sesuatu kelakuan sama ada kelakuan tersebut baik ataupun buruk. Ini bermakna, apabila kita menyebut tentang keruntuhan akhlak, bermaksud rosak dan hancurnya sebuah budi pekerti, kelakuan, dan juga tabiat yang murni. Semuanya menjurus kepada kelakuan dan tabiat yang buruk semata-mata.

### 2. Perang Psikologi

Perang di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat telah didefinisikan sebagai suatu perkelahian, perbuatan beradu tenaga, dan juga bertempur. Manakala, psikologi

menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan. Perang psikologi di sini boleh ditakrifkan sebagai satu proses peraduan tenaga secara mental, ataupun boleh dikatakan sebagai perdebatan. Hal ini kerana akar untuk perdebatan adalah dengan melalui proses pemikiran sebelum diterjemahkan melalui hujahan kata-kata.

### 3. Media Sosial

Jika diberi makna secara berasingan, media di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud satu alat atau perantara komunikasi (ataupun perhubungan). Media wujud dalam pelbagai bentuk antaranya radio, televisyen, malah bahan percetakan juga boleh dipanggil sebagai media contohnya surat khabar, majalah, dan lain-lain. Manakala, sosial di dalam kamus yang sama pula bererti segala perkara yang berkaitan masyarakat, ataupun berkaitan pergaulan dan aktiviti masa lapang, ataupun suka bergaul dan bernesra. Jika digabungkan kedua-dua perkataan ini, ia membawa satu istilah baru dengan makna satu alat sebagai perantara komunikasi yang digunakan untuk bergaul dan berhubung serta ia juga digunakan untuk mengisi masa lapang.

## **Hubungkait Antara Peperangan Psikologi di Media Sosial Dan Keruntuhan Moral**

### **Peranan Media Sosial dalam Perubahan Kegiatan Sosial**

Media sosial mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan remaja, yang sering kali merasa tertekan untuk aktif di platform tersebut. Remaja cenderung menggunakan media sosial untuk membentuk identitas dan mendapatkan perhatian. Aktiviti di media sosial, seperti memuat naik aktiviti peribadi dan gambar bersama rakan, menjadi cara untuk mengekspresikan diri dan mendapat pengiktirafan daripada rakan sebaya.

Walau bagaimanapun, terdapat risiko berkaitan dengan penggunaan media sosial. Remaja rentan kepada tekanan untuk kekal aktif di media sosial agar dianggap *cool* dan *trendy*, sementara mereka yang tidak aktif mungkin dianggap ketinggalan zaman. Fenomena ini selaras dengan teori perkembangan remaja yang menekankan sifat peralihan dan kecenderungan remaja untuk mencari identiti.

Melalui kajian oleh penulis dalam penulisannya, “Pengaruh Media Sosial Terhadap Perilaku Remaja” (2016), ketergantungan remaja terhadap teknologi, terutama telefon pintar, semakin meningkat, dengan penggunaan media sosial hampir sepanjang 24 jam. Kecepatan akses media sosial telah menggantikan peranan media massa konvensional dalam menyebarkan berita. Kajian menunjukkan remaja berusia 15-19 tahun mendominasi penggunaan internet di Indonesia sebanyak 64%.

Melalui remaja yang sangat aktif di media sosial kerap memuat naik aktiviti yang mencitrakan gaya hidup moden, membentuk imej popular di kalangan mereka. Namun, apa

yang dipos di media sosial tidak sentiasa mencerminkan keadaan sosial sebenar, dan ada ketidaksepadanan antara imej dalam talian dan realiti kehidupan mereka. Ini mencipta ruang interaksi dalam dunia maya yang boleh membawa keseronokan, tetapi juga boleh menyembunyikan kesepian dalam kehidupan sebenar.

## **Penggunaan Media Sosial Secara Bijak**

Sebagai individu, kita perlu mempertimbangkan dengan teliti cara kita menggunakan media sosial, kerana perkembangan platform ini dapat memberikan impak yang besar kepada perilaku kita. Berikut adalah beberapa panduan yang boleh diikuti untuk memanfaatkan media sosial secara bijak:

### **1. Perlindungan Maklumat Peribadi**

Memahami kepentingan melindungi maklumat peribadi. Berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi, dengan mengambil kira risiko yang mungkin timbul dari pihak yang mempunyai niat kurang baik. Walaupun berkongsi gambar dan rutin peribadi dianggap wajar, tetapi kita perlu memikirkan kesan sebelum memuat naik sesuatu ke media sosial.

### **2. Etika dalam Komunikasi**

Menggunakan kata-kata sopan dalam berkomunikasi di platform sosial. Bahasa kasar sering kali terdapat dalam perbualan dalam talian, sama ada disengajakan atau tidak. Penting untuk mematuhi etika berkomunikasi, terutamanya dalam perbualan dengan rakan atau kolega rapat, untuk mengelakkan situasi yang tidak diingini.

### **3. Mencegah Penyebaran Kandungan Negatif**

Mengelakkan menyebarkan kandungan yang berkaitan dengan isu SARA (Suku, Agama, Ras, dan Antar golongan) dan pornografi di media sosial. Menyebarluaskan maklumat yang bermanfaat dan positif tanpa menimbulkan konflik di kalangan individu dalam rangkaian sosial.

### **4. Menghormati Karya Orang Lain**

Memberikan penghargaan terhadap hasil karya orang lain dengan mencantumkan sumber maklumat apabila berkongsi tulisan, gambar, video, atau kandungan lainnya. Hindari tindakan copy-paste tanpa memberikan kredit kepada pemilik asal, sebagai bentuk penghargaan terhadap kreativiti orang lain.

### **5. Pemahaman yang Mendalam Terhadap Berita**

Mendorong untuk membaca berita secara menyeluruh, bukan hanya menilai dari judul sahaja. Fenomena baru dalam media sosial adalah banyak pengguna yang turut serta menyebarkan atau memberi komen terhadap topik yang sedang hangat tanpa membaca keseluruhan berita. Oleh

itu, membaca maklumat secara menyeluruh adalah penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih tepat.

### **Kesan Media Sosial Terhadap Moral Remaja**

Fasa remaja merupakan jangka hayat yang menghubungkan antara fasa kanak-kanak dan dewasa, di mana teknologi, terutamanya media sosial, memberikan impak yang signifikan. Pada skala global, pengguna aktif media sosial mencapai 3.2 bilion daripada jumlah 4 bilion pengguna internet pada Januari 2018. Pelbagai platform seperti Facebook, YouTube, WhatsApp, dan lain-lain digunakan oleh remaja dengan pelbagai fungsi, termasuk jejaring sosial dan aplikasi pesanan/chat.

Berdasarkan kajian *We Are Social* (2018), Facebook menjadi platform media sosial yang paling popular dengan 2.167 juta pengguna aktif, diikuti oleh YouTube, WhatsApp, dan FB Messenger. Keberagaman platform ini memberikan peluang kepada remaja untuk berinteraksi, berkongsi tugas sekolah, bermain permainan, dan meluangkan masa lapang. Media sosial juga menawarkan ciri-ciri yang membolehkan pengguna mendokumentasikan setiap aspek kehidupan mereka, seperti Instagram dengan ciri-ciri lokasi, siaran langsung, boomerang, dan perbualan peribadi.

Namun, kesedaran terhadap penilaian orang lain terhadap kehidupan mereka meningkat secara tidak sedar. Ciri-ciri media sosial cenderung membiasakan masyarakat untuk mempresentasikan kehidupan yang boleh disenangi oleh orang lain. Penggunaan media sosial dianggap sebagai bentuk perubahan sosial kerana mempengaruhi struktur sosial, mengubah cara hidup dengan efisien dalam ruang dan masa. Ini menjadi jawapan terhadap populariti penggunaan media sosial oleh remaja, dianggap sebagai saluran untuk meningkatkan keyakinan diri dan mendapatkan sokongan dari persekitaran mereka.

Keperluan pemahaman akan perubahan sosial tercermin dalam kategori perubahan material dan bukan material, yang dapat mempengaruhi hubungan sosial dan keseimbangan dalam masyarakat. Perubahan ini dianggap sebagai penyesuaian dan perkembangan menuju kehidupan yang lebih baik.

### **Kesan Perang Psikologi di Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Moral Individu dan Masyarakat**

Perkembangan akses internet pada masa kini telah menjadikan media sosial sebagai gaya hidup moden bagi sebahagian hidup masyarakat dunia tidak kira umur dan pangkat. Bahkan pada saat ini, kita dapat menyaksikan figura daripada bidang politik juga tidak melepaskan peluang menyertai secara aktif di dalam media sosial dengan tujuan untuk mencipta dan memperkuat hubungan antara rakyat dan pemimpin dengan memberi peluang kepada rakyat untuk bebas menyuarakan pendapat (Festy Rahma Hidayati, 2021). Namun, terdapat implikasi negatif disebalik kebebasan bersuara ini yang mana timbulnya ujaran kebencian atau *hate speech* yang dilontarkan oleh sebahagian rakyat yang tidak berpuas hati (Mustofa, 2019). Ujaran kebencian

yang dilontarkan sebagai strategi untuk meruntuhkan kumpulan yang mendominasi dalam ruang sosial. Biasanya, tindakan ujaran kebencian tersebut ditopengkan sebagai sebuah bentuk kritikan dan kebebasan bersuara yang diberikan dalam sistem demokrasi (Winda, Darmaiza, 2020). Fenomena ini memperlihatkan bagaimana masyarakat masih belum mempunyai kesedaran tentang penggunaan media sosial daripada sisi positif dan menghindari sisi negatif aplikasi ini. Penyalahgunaan media sosial ini merupakan kerisauan yang besar kerana media sosial kini dianggap sebagai pencipta suatu sistem baru yang sering disebut sebagai *cyberdemocracy*, yang menggambarkan proses kebebasan, persaingan yang berterusan *face-to-face* melalui internet (Hidayati, 2021).

Selain itu, perang psikologi atau lebih difahami sebagai perdebatan panjang yang berlaku di media sosial dapat memberi kesan kepada kesahihan berita atau maklumat yang dikongsi. Seperti yang kita tahu, media sosial kini menjadi alat paling mudah dan mempunyai akses yang cepat dalam penyebaran maklumat. Namun perdebatan panjang yang berlaku menjadi punca penyebaran berita atau maklumat palsu oleh individu yang tidak bertanggungjawab (Izyandiyana, 2022). Lebih-lebih lagi pada zaman ini, pengguna media sosial yang lebih mengejar untuk meraih perhatian atau menjadi tular tanpa meneliti konten yang disebarkan. Keinginan untuk menjadi yang pertama dalam menyampaikan maklumat telah menyebabkan masyarakat lupa akan kesan dan akibat penyebaran maklumat palsu (Norazlinda, 2021). Penyebaran maklumat palsu di media sosial tidak hanya melibatkan penipuan, tetapi juga mencakup unsur fitnah yang berlebihan, memburukkan maruah dan imej individu. Menurut Sinar Harian (2019), semasa pilihan raya Malaysia pada tahun 2018, kumpulan tentera digital atau yang dikenali sebagai '*cybertrooper*' digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu yang sengaja dicipta untuk merosakkan reputasi atau imej individu, organisasi, atau kerajaan. Tindakan ini melibatkan penyebaran artikel tanpa fakta, gambar, atau bahan yang bersifat fitnah dan penipuan. Kesannya boleh memberi impak negatif kepada masyarakat. Tindakan ini dianggap tidak bermoral dan merosakkan integriti bukan sahaja pada sistem demokrasi berparlimen di Malaysia malah merosakkan integriti setiap individu yang terlibat.

Daripada impak di atas, dapat juga kita lihat media sosial sebagai panggung utama berlakunya perang psikologi yang memberi dampak kepada manipulasi emosi dan pendapat penggunanya. Kebebasan individu untuk menyuarakan pendapat di akaun peribadi mereka dihadapi dengan "cabaran" daripada pihak lain yang juga bebas menyuarakan pendapat mereka terutamanya dalam isu-isu sensitif seperti politik, agama, atau perkauman yang sering menjadi perbualan panas ditemui di media sosial walaupun ianya bersifat sementara dan sentiasa berubah mengikut keadaan (Ahmad Rudy, 2019). Strategi perang psikologi di media sosial seringkali memanfaatkan teknik-teknik psikologi untuk menciptakan respon emosional yang diinginkan. Misalnya, konten berunsur politik yang awalnya bertujuan untuk memberi pendidikan politik kepada golongan belia yang baru mula mengundi, telah diselangi dengan konten yang menjurus ke arah pelecehan atau kebencian kepada satu-satu pihak dalam politik. Manakala strategi manipulatif digunakan oleh kumpulan atau individu yang mempunyai kepentingan politik tertentu menyebarkan maklumat yang tidak tepat, memanipulasi naratif politik, atau menggunakan taktik lain untuk mempengaruhi pandangan golongan tersebut (Maghrifa al et, 2022). Oleh itu, jelaslah bahawa media sosial tidak hanya menjadi alat

komunikasi, tetapi juga medan pertempuran psikologis yang memerlukan kesedaran kritis, literasi media, dan kewaspadaan mental penggunaannya daripada terus dimanipulasi.

### **Membangun Strategi Untuk Menentang Kesan Negatif Perang Psikologi di Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak**

Setiap masalah memerlukan kepada penyelesaian. Sebelum kita mencadangkan sesuatu jalan penyelesaian bagi menangkis masalah yang ada, kita terlebih dahulu perlu memastikan jenis masalah yang ada. Dalam konteks penulisan ini, tujuan penulisan adalah bagi membangunkan strategi untuk menentang kesan negatif perang psikologi di media sosial terhadap keruntuhan akhlak pengguna media sosial. Bagi mencadangkan strategi yang berkesan untuk masalah ini, kita perlu beri perhatian terhadap kesan negatif yang berjaya didapatkan oleh penulis. Kesan negatif tersebut adalah merosakkan pemikiran dan mentaliti serta mempengaruhi pembentukan identiti diri.

Kita perlu memahami bagaimana sesebuah teknologi berfungsi. Dalam konteks ini, media sosial amat sinonim dengan peranannya sebagai sebuah wadah perkongsian maklumat (Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail & Sakinah Ahmad, 2021). Umumnya, media sosial memudahkan proses perkongsian maklumat apabila kedua-dua belah pihak yang mencari dan berkongsi jawapan menggunakan media sosial dengan sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun, keghairahan dalam berkongsi maklumat dan ingin menjadi yang paling ke depan di dalam nuansa ini, telah menyebabkan pihak yang tidak bertanggungjawab menguasai arena perdebatan di media sosial. Pelbagai maklumat yang diperolehi terus-menerus dimuntahkan tanpa memutuskan tahap kesahihannya. Tragedi ini kebiasaannya berakhir dengan kesan memalukan diri sendiri ataupun mencalarkan maruah orang lain.

Terdapat tiga perkara yang vital dan sepatutnya menjadi asas dalam kepenggunaan media sosial di mana semua pengguna media sosial terutamanya Muslim, perlu berpegang kuat kepada ketiga-tiganya. Pegangan kuat dengan kefahaman yang mendalam terhadap prinsip-prinsip yang disebutkan ini dapat membantu kita semua menjadi pengguna media sosial yang lebih baik seterusnya sekurang-kurangnya dapat menurunkan kadar kesan negatif yang disebutkan pada awal perbincangan penulisan ini.

#### **Tabayyun**

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ"

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan." (Surah al-Hujurat, ayat 6)

Intipati utama ayat yang disebutkan di atas adalah tentang tabayyun. Menurut al-Mu'jam al-Wasith, tabayyun memberi makna kesepakatan di antaranya dan di antara sesuatu perkara itu jelas, dan diterangkan dengan sangat mendalam, dan juga dikatakan sebagai tegas dan berhati-hati dalam menerangkan. Ini bermakna, dalam menyebarkan maklumat, perkara utama yang wajib didahulukan adalah kesahihan dan ketepatan fakta yang ingin disebarkan. Sebarang ketidaktelusan dalam menyebarkan fakta akan menimbulkan salah faham yang semestinya membawa kepada konotasi negatif kepada penulis fakta dan penyebar fakta.

Perang psikologi di media sosial yang berakhir dengan kesan negatif semestinya telah mengabaikan aspek untuk bertabayyun terlebih dahulu sebelum berdebat di alam maya itu. Kejahilan pengguna media sosial yang terlalu ghairah menerima maklumat yang ada dan digunakan terus untuk berdebat tanpa menapis kesahihannya terlebih dahulu. Kelak, apabila kebenaran telah tersingkap, ternyata segala yang disangkakan fakta tersebut hanyalah fitnah semata-mata.

### **Menghadirkan rasa malu**

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ((إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى : إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ ؛ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ)). رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Dari Abu Mas'ud 'Uqbah bin 'Amr al-Anshari al-Badri radiyallahu 'anhu ia berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya salah satu perkara yang telah diketahui oleh manusia dari kalimat kenabian terdahulu adalah, "Jika engkau tidak malu, berbuatlah sesuka hatimu." (Riwayat al-Bukhari) (Sahih al-Bukhari, Kitab Adab, Bab Jika engkau tidak malu, berbuatlah sesuka hatimu, Nombor hadis: 6120)

Hadis di atas menekankan kepentingan mempunyai rasa malu di dalam diri. Hadis yang terhimpun di dalam Kumpulan Hadis 40 Imam Nawawi ini juga menyatakan kalimat Nabi Muhammad SAW dalam bentuk peringatan dan amaran yang mana umat-umat terdahulu sebelum umat Muhammad SAW juga telah menerima peringatan yang sama, yang dikirim oleh nabi yang mengetuai umat mereka. Ini sudah cukup jelas menyatakan bahawa sejak umat dahulu lagi sudah ditekankan perihal memupuk rasa malu daam diri. Manusia yang sudah tercabut rasa malu dalam dirinya akan melakukan apa sahaja menurut rasa suka hati dan nafsunya. Tidak peduli dengan sebarang naratif yang diciptakannya sehingga ia akhirnya memakan diri sendiri semula.

Sesungguhnya, rasa malu adalah perhiasan diri seorang Muslim. Rasa malu memperelokkan lagi diri seseorang Muslim kerana dengan rasa itu, seseorang tidak akan sesekali melakukan sesuatu yang akan mengundang cercaan orang yang mencalar maruah terhadap dirinya. Rasa malu itu sebahagian daripada iman. Seseorang Muslim yang benar beriman perlu menjaga maruah diri dan saudara seislamnya. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: “Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.” (Riwayat al-Bukhari) (Sahih al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Sebahagian Daripada Iman Apabila Mengasihi Saudara Seperti Diri Sendiri, Nombor Hadis: 7086)

Sabda Rasulullah SAW lagi:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: “Muslim itu adalah yang menyelamatkan orang Muslim yang lain daripada (keburukan) lidah dan tangannya.” (Riwayat al-Bukhari) (Sahih al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Muslim Adalah Yang Tidak Menyakiti Saudara Muslimnya dengan Tangan atau Lidahnya, Nombor Hadis: 6484)

Kedua-dua hadis ini saling berkait. Seseorang yang beriman akan mengasihi saudara seagamanya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri. Seseorang yang bergelar Muslim pula tidak akan membuat Muslim yang lain tersakiti asbab keburukan lidah dan tangannya. Seseorang Muslim yang beriman, akan sentiasa berjaga-jaga dengan kejahatan yang hadir daripada dirinya yang akan melukakan diri orang lain.

### Meningkatkan rasionaliti diri

Ada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Mu’adz bin Jabal r.a., beliau telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang amalan-amalan yang boleh memasukkannya ke dalam syurga dan menjauhkannya daripada api neraka. Maka, di dalam hadis yang panjang ini, Rasulullah SAW pun menerangkan tentang apa yang dipinta Mu’adz bin Jabal – iaitu kewajipan meninggalkan syirik, bersolat, puasa, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji, bersedekah, bangun solat malam. Kemudian, hadis disambung lagi dengan soalan Baginda SAW kepada Mu’adz bin Jabal dengan matan:

ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعَمُودِهِ وَدُرُوزَةِ سَنَامِهِ؟ قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ، وَدُرُوزَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ، ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِمَلَكَ ذَلِكَ كُلِّهِ؟ فَقُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ! فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ وَقَالَ: كُفَّ عَلَيْكَ هَذَا. يَا نَبِيَّ اللَّهِ وَإِنَّا لَمُؤَاخِدُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ؟ فَقَالَ: تَكَلَّمْتَ أَتَمُّكَ وَهَلْ يَكُفُّ النَّاسَ عَلَى وُجُوهِهِمْ - أَوْ قَالَ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ - إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ؟!

“Mahukah kamu aku khabarkan perkara yang menghimpunkan keseluruhannya?” Aku (Mu’adz) berkata: Sudah pasti Nabi Allah. Lalu Baginda SAW memegang lidahnya seraya bersabda: “Tahanlah ke atasmu (dari menyalahgunakannya) benda ini”. Aku berkata, “Wahai

Nabi Allah, adakah sesungguhnya kita akan dihitung dengan sebab apa yang kita bicarakan?” Jawab Baginda SAW: “Ibumu kehilanganmu, Mu’adz. Tidakkah manusia itu dihumbankan muka mereka ke dalam neraka meelalui,” atau sabda Baginda SAW, “dihumbankan batang hidung mereka kecuali hasil tuaian lidah-lidah mereka.” (Riwayat al-Tirmidzi) (Sunan al-Tirmidzi, Nombor Hadis: 2616)

Hadis di atas ini sangat menekankan aspek kepentingan menjaga lisan. Rasulullah SAW menekankan bahawa kebanyakan manusia akan dihumban ke neraka kerana tidak menjaga lisan mereka. Sebagai contoh, mereka mencerca dan memaki orang, memanggil orang dengan panggilan yang tidak elok, mencetuskan pergaduhan dan sebagainya. Dalam dunia yang maju pada masa kini, nasihat ini juga boleh digunapakai dalam konteks perdebatan di alam maya. Oleh kerana kebanyakan pengguna media sosial boleh berselindung di sebalik *anonymity*, maka kebanyakan pengguna media sosial tanpa segan silu meninggalkan komen tanpa menjaga hati orang lain.

Dunia barat juga ada menggariskan beberapa langkah yang boleh digunapakai sebagai panduan sebelum kita menyebarkan maklumat ataupun meninggalkan komen kepada orang lain. Langkah-langkah tersebut seperti yang berikut:

1. Sebelum menekan butang ‘hantar’, kita perlu berfikir, siapa saja yang bakal dapat melihat apa yang kita post? Keluarga kita? Rakan kita? Majikan kita?
2. Sebelum menekan butang ‘hantar’, kita perlu berfikir, adakah komen atau apa yang kita muatnaik itu akan memberi kesan kepada orang lain? Kesan negatif atau kesan positif? Atau, adakah kita sendiri bersedia untuk dikecam sekiranya hantaran kita mengundang dan memberi kesan negatif kepada orang lain?
3. Sebelum menekan butang ‘hantar’, adakah hantaran kita mempunyai *hidden data*? Sebagai contoh perkara-perkara yang boleh menggugat privasi seperti lokasi, gambar, dan video.
4. Sebelum menekan butang ‘hantar’, kita perlu sentiasa beringat, segala hantaran kita ke dalam internet akan kekal di situ selama-lamanya. Walaupun kita sudah memadamkannya kerana penyesalan yang mungkin hadir di kemudian hari, namun orang lain masih boleh mengesan data-data yang telah ditinggalkan oleh kita.
5. Sebelum menekan butang ‘hantar’, fikirkan sama ada adakah hantaran yang kita buat sedang berkongsi tentang kehidupan orang lain? Adakah kita kononnya sedang melondehkan kehidupan peribadi (doxing) orang lain?

Melalui lima langkah di atas, kita dapat mengembalikan kerasionalan di dalam diri sebelum berkongsi apa-apa perkara di alam maya. Jika kita tidak mahu orang lain berbuat sesuatu yang serupa kepada kita, kita sendiri perlu terlebih dahulu menyekat lisan dan jari kita sebelum menghentam kehidupan orang lain sesuka hati. Untuk menyeru manusia kepada kebaikan juga ada adabnya. Provokasi alam maya tidak mendatangkan sebarang kemaslahatan

melainkan cuma kemudaran semata-mata. Allah SWT sendiri telah berfirman dengan kalam agung-Nya di dalam Surah al-Nahl ayat 125:

"ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ"

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Sesungguhnya, Allah SWT dan Rasulullah SAW telah memberikan panduan yang cukup jelas untuk kita dalam berbicara. Lebih-lebih lagi di era digitalisasi kini yang membuatkan manusia lebih banyak berkomunikasi melalui alam maya berbanding di dunia nyata, kadangkala membuatkan kita terlupa yang kita masih lagi berurusan dengan manusia. Tetaplah menyantuni manusia dalam apa jua cara kita menyampaikan kebenaran. Sama ada bicara secara berhadapan ataupun di kaca skrin semata-mata. Sampaikanlah kebenaran tanpa perlu provokasi yang menyakitkan hati mana-mana pihak selayaknya.

## **Penutup**

Secara keseluruhannya, kajian ini berhasil mencapai ketiga-tiga objektif iaitu menyelidiki hubungkait antara perang psikologi di media sosial dan keruntuhan moral. Melalui penilaian terhadap kesan perang psikologi tersebut terhadap tingkah laku moral individu dan masyarakat, kajian ini memberikan pemahaman mendalam tentang dampak negatif yang akan terjadi. Selain itu, kajian ini juga berhasil mencapai objektif ketiga dengan mengembangkan strategi untuk menentang dampak negatif perang psikologi di media sosial terhadap keruntuhan akhlak. Kesimpulan ini menegaskan bahawa kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami dan mengatasi tantangan etika yang dihadapi dalam era media sosial.

## **Rujukan**

Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari* 11, 1.

Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail & Sakinah Ahmad. (2021). Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam. *E-Prosidings Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021* (p. 3). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1.

- Munirah Ayuni Mohd Mokhtar & Mohd Azmir Mohd Nizah. (2022). Pendekatan Perang Saraf Maklumat dalam Membentuk Identiti Nasional Golongan Muda. *i-STET 2022, Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami*, (p. 4). Nilai, Negeri Sembilan.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*, 1.
- Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa @Busu, Zurkarnain Yusoff & Salma Ab Rahman. (2021). Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences*, (p. 1). Kota Bharu, Kelantan.
- Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Fatihah Zainuddin. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 1.
- القاهرة: دار الدعوة /المعجم الوسيط. (2010). محمد النجار & إبراهيم مصطفى، أحمد الزيات، حامد عبد القادر.
- Putri, W. S. R., Nurwati, N., & S., M. B. (2016). PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PERILAKU REMAJA. *Prosiding Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat*, 3(1).
- Anwar, F. (2017). Perubahan dan Permasalahan Media Sosial. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, Dan Seni*, 1(1), 137.
- Rosyidah, F. N., & Nurdin, M. F. (2018). Perilaku Menyimpang : Media Sosial Sebagai Ruang Baru Dalam Tindak Pelecehan Seksual Remaja. *Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Sosiologi*, 2(2), 38–48.
- Anastasiaa Siwi Fatma Utami, Nur Baiti. (2018). PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PERILAKU CYBERBULLYING PADA KALANGAN REMAJA. *Jurnal Humaniora Universitas Bina Sarana Informatika* .
- Rumli, N. S. C., & Zakiyah Jamaluddin. (2019). Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Pelajar. *Fakulti Pembangunan Manusia*, 19, 233.
- Utami, W. W., & Darmaiza, D. (2020). Hate Speech, Agama, Dan Kontestasi Politik Di Indonesia. *Indonesian Journal of Religion and Society*, 2(2), 113-128.
- Wardina, L. M. I., & Astuti, S. W. (2019). Gambaran kesejahteraan psikologi generasi milenial pengguna media digital di Jakarta Selatan. *Southeast Asia Psychology Journal*, 7(1), 1-14.

- Rahman, S., Nawal, N., Insani, H. M., & Tobing, E. I. L. (2021). Penggunaan Media Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologis Orang Dewasa. Mempersiapkan Generasi Digital Yang Berwatak Sociopreneur: Kreatif, Inisiatif, dan Peduli di Era Society 5.0.
- YUPPENTEK, S. (2019). Sisi Gelap Media Sosial: Ranah Sosial-Politik. *Jurnal MoZaiK*, 11(1), 34-41.
- Hidayati, F. R. (2021). Komunikasi Politik dan Branding Pemimpin Politik Melalui Media Sosial: A Conceptual Paper. *Jurnal Lensa Mutiara Komunikasi*, 5(2), 145–161.  
<https://doi.org/10.51544/jlmk.v5i2.2385>
- Ab Hadi, S. N. I., Wahab, H. A., Azhari, N. M. Z. N., & Nizar, M. I. S. (2022). Pengaruh Pemahaman Tabayyun Terhadap Tindakan Penerimaan Maklumat Melalui Media Sosial dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001486-e001486.
- Jalli, D. N. (2019). Memerangi disinformasi dan berita palsu. Retrieved from BH Online website: <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/06/575761/memerangi-disinformasi-dan-berita-palsu>
- Fardiyan, A. R. (2019). Similarity Privatisasi Ruang Publik Melalui Akun Media Sosial. <https://doi.org/10.23960/metakom.v5i2.226>
- Kafka, M. K. R., Prawira, F. R., Santoso, G., Nurhasanah, H., Pramono, J., Barkah, S., & Haryanto, H. (2022). Pengaruh Media Sosial Terhadap Orientasi Politik Pemilih Pemula Pada Pemilu 2024. *Jurnal Pendidikan Transformatif*, 1(2), 132-141.
- Astajaya, I. K. M. (2020). Etika komunikasi di media sosial. *Widya Duta: Jurnal Ilmiah Ilmu Agama dan Ilmu Sosial Budaya*, 15(1), 81-95.
- Wardani, L. M. I., & Wahyuning, S. (2019). GAMBARAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI GENERASI MILENIAL PENGGUNA MEDIA DIGITAL DI JAKARTA SELATAN. ResearchGate. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/337657381\\_GAMBARAN\\_KESEJAHTERAAN\\_PSIKOLOGI\\_GENERASI\\_MILENIAL\\_PENGGUNA\\_MEDIA\\_DIGITAL\\_DI\\_JAKARTA\\_SELATAN](https://www.researchgate.net/publication/337657381_GAMBARAN_KESEJAHTERAAN_PSIKOLOGI_GENERASI_MILENIAL_PENGGUNA_MEDIA_DIGITAL_DI_JAKARTA_SELATAN)
- Mahdia, A. (2018). PENGARUH KONTEN INFLUENCER DI MEDIA SOSIAL TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGIS REMAJA AKHIR. *Jurnal Psikologi (Edisi Elektronik)*, 11(2), 172–179. <https://doi.org/10.35760/psi.2018.v11i2.2262>
- Rohman, D. A. (2019). KOMUNIKASI DAKWAH MELALUI MEDIA SOSIAL. *Tatar Pasundan: Jurnal Diklat Keagamaan*, 13(2), 121–133.  
<https://doi.org/10.38075/tp.v13i2.19>
- Riswanto, D., & Marsinun, R. (2020). Perilaku Cyberbullying Remaja di Media Sosial. *Analitika: Jurnal Magister Psikologi UMA*, 12(2), 98–111.  
<https://doi.org/10.31289/analitika.v12i2.3704>

Rahman, S., Nawal, N., Insani, H. M., & Tobing, E. I. L. (2021). Penggunaan Media Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologis Orang Dewasa. Mempersiapkan Generasi Digital Yang Berwatak Sociopreneur: Kreatif, Inisiatif, dan Peduli di Era Society 5.0.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.